

TALKING POINT

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 23 FEBRUARI 2011

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku
Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang
Hao.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana
diberi keizinan olehNya untuk sama-sama kita berkumpul
pada pagi yang berbahagia ini untuk merapatkan lagi
hubungan sesama kita warga kerja UniMAP.

Ladies and gentleman

Hadirin dan hadirat sekalian,

Minggu ini merupakan minggu yang amat sibuk buat kita semua kerana berbagai program yang akan dijalankan, dan program yang paling penting merupakan dua pertandingan besar iaitu Kejohanan Tenis Jemputan Universiti Asean 2011 yang akan diadakan pada 23 hingga 27 Februari dan Malaysia University Robot Competition (MUROC) 2011 pada 26 hingga 27 Februari ini.

Sebagai pengajur, semua warga UniMAP haruslah memberi komitmen dan menyokong bagi menjamin acara ini berjalan lancar. Saya berharap agar anda semua dapat mengamalkan budi bahasa dan sikap terpuji dalam melayani tetamu-tetamu kita dari universiti-universiti yang mengambil bahagian nanti. Sesungguhnya sikap anda akan mencerminkan imej UniMAP di mata mereka.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada pagi ini juga, saya ingin berkongsi berita gembira bersama anda semua, baru-baru ini UniMAP telah mengambil bahagian dalam Malaysia Teknologi Ekspos (MTE) yang ke – 10, yang diadakan diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre dan saya amat berbangga kerana para penyelidik UniMAP berjaya membawa pulang 4 emas, 7 perak dan 16 gangsa

dari pada 36 produk yang dipertandingkan, ini menunjukkan peningkatan yang baik berbanding tahun lalu dimana kita memperoleh 2 emas, 8 perak dan 12 gangsa pada pertandingan yang sama.

Emas diperolehi melalui produk Nano-Biochip By Size Expansion Technique For Label Free Detection oleh Prof. Dr. Uda Hashim dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Microelektronik, Dried Chili Seed Separating Machine, (Shayfull Zamree Abd. Rahim, PPK Pembuatan), Modified Double Weight (Mdw) Code For Ocdma Ftth Network Using FPGA Based(Prof Dr Syed Alwee Aljunid Syed Junid, PPK Komputer dan Perhubungan) dan Switched Parasitic Patch Antenna Array For Smart Antenna Application dihasilkan kumpulan penyelidik Dr. Mohd Fareq Abd Malek, Mohd Hafizuddin Mat, Suzanna Harun Ronald, Ismahayati Adam, dan Satea Hikmat dari PPK Komputer dan Perhubungan. Syabas dan tahniah saya ucapkan. Untuk yang tidak berjaya, cuba lagi di pertandingan yang akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Untuk pengetahuan anda semua, pada 24 Februari ini, akan diadakan Pilihanraya Kampus UniMAP bagi memilih Majlis Perwakilan Pelajar untuk sesi 2011/2012 dan buat pertama

kalinya dalam sejarah pilihanraya kampus UniMAP wujud pertandingan untuk merebut jawatan sebagai MPP dan para mahasiswa akan menggunakan komputer untuk mengundi atau dinamakan kaedah E-Voting.

Jadi di sini saya ingin mengambil kesempatan menyeru kepada para pensyarah untuk memberikan kerjasama yang jitu sepanjang sepanjang kempen sehingga pilihanraya berakhir bagi memastikan ianya berjalan lancar tanpa sebarang masalah. Sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Sekian,

Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....